

01 NOV 1999

Sukan-berjalan

1.3 JUTA TELAH MENDAFTAR UNTUK 'BERJALAN UNTUK NEGARA'

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Program Berjalan Untuk Negara yang akan berlangsung serentak di seluruh negara Sabtu ini terus mendapat sambutan daripada masyarakat tempatan.

Jumlah terbaru yang dicatatkan ialah 1 juta 322,800 orang dengan Perak masih menjadi negeri yang mempunyai paling ramai peserta iaitu 150,000 orang.

"Kita mungkin tidak melanjutkan lagi pendaftaran, takut nanti akan timbul masalah lain seperti pendaftaran lewat dan sebagainya, meskipun sasaran kita ialah 2 juta peserta menyertainya. Bagaimanapun, yang masih berminat hendaklah mendaftar segera sebelum tarikh tutup 3 Nov ini," kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin selepas menerima hadiah tajaan DRB-Hicom Group dan Perusahaan Otomobil Ke 2, yang merupakan kereta Proton Wira 1.6 dan Produa Kembara EX di sini, hari ini.

Kereta-kereta tersebut akan menjadi hadiah utama bagi cabutan number bertuah pada hari pelancaran program itu nanti.

Hadiah-hadiah lain termasuk motosikal -- Modenas Jaguh (1), Modenas Kriss (4), Suzuki (2) dan Honda (3).

Muhyiddin berharap dengan adanya hadiah-hadiah istimewa seperti itu, lebih ramai lagi yang akan mendaftar sehingga 3 Nov ini.

Program tersebut anjuran Kementerian Belia dan Sukan merupakan program khas bagi mendapatkan sokongan rakyat terhadap usaha negara menawarkan diri sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006.

Ia akan diadakan serentak di seluruh negara, meliputi 293 lokasi di 116 daerah. Pada peringkat kebangsaan, ia akan dilangsungkan di Taman Tasik Titiwangsa dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuainya.

Sehingga ke hari ini, Perak masih mencatat jumlah peserta terbanyak dengan 150,000 orang, diikuti Sabah 121,531, Johor (120,010), Pahang (117,024), Sarawak (115,003), Kelantan (113,300), Kuala Lumpur (111,500) sementara negeri-negeri lain semuanya mengatasi jumlah 50,000 peserta.

--BERNAMA

AHA zb